



**MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA**  
**NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS MALAYSIA (NCWO)**  
(MEMBER OF ASEAN CONFEDERATION OF WOMEN'S ORGANISATIONS)

46, Jalan 14/29, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.  
Tel: (603) 7954 3008 Faks: (603) 7954 2881  
Laman Web: [www.ncwomalaysia.org.my](http://www.ncwomalaysia.org.my) E-mel: [ncwohq@yahoo.com](mailto:ncwohq@yahoo.com)

11 May 2018

**KENYATAAN MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA**  
**NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS, MALAYSIA (NCWO)**  
**PASCA PILIHAN RAYA UMUM KE -14**

Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada parti gabungan Pakatan Harapan yang telah berjaya membentuk Kerajaan Malaysia yang baru. Tahniah yang sama diucapkan kepada parti-parti gabungan yang telah berjaya membentuk Kerajaan Negeri di beberapa Negeri.

NCWO mengucapkan syabas kepada semua parti politik yang telah mengetengahkan kepimpinan wanita dalam PRU14. Pemerhatian awal pasca PRU14 menunjukkan ramai calon wanita yang berwibawa telah memenangi lebih kurang 13% kerusi Parlimen berbanding 10.81% selepas PRU13. Peningkatan juga tercatat bagi kerusi Dewan Undangan Negeri.

Selaku majlis kebangsaan NGO wanita yang mewakili lebih dari 200 NGO wanita di seluruh Malaysia dan selaras dengan Dasar Wanita Negara, kami ingin menzahirkan harapan kami kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, disaat pembentukan pucuk kepimpinan di peringkat Kebangsaan dan Negeri supaya:

1. Memperkasakan Kepimpinan Wanita peringkat eksekutif kebangsaan dengan meletakkan sekurang-kurangnya 30 peratus Menteri wanita dalam Kabinet yang akan diumumkan.
1. Memperkasakan Kepimpinan Wanita peringkat legislatif dengan melantik sekurang-kurangnya 30% wanita dalam Dewan Negara bagi mengimbangi hanya sekitar 13% wanita di Dewan Rakyat.
2. Memperkasakan Kepimpinan Wanita di peringkat Negeri dengan melantik sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam EXCO negeri.

Trek rekod ahli politik wanita dalam GE14 adalah cemerlang. NCWO yakin mereka akan memberi sumbangan ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara dan akan berusaha memperkukuhkan kemakmuran, perpaduan dan keamanan negara Malaysia.

Omna Sreeni-Ong  
Hon Secretary General  
National Council of Women's Organisations, Malaysia